

MELOXIM TABLET

Meloxicam (7.5mg, 15mg)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan MELOXIM TABLET
2. Bagaimana MELOXIM TABLET berfungsi
3. Sebelum mengambil MELOXIM TABLET
4. Cara menggunakan MELOXIM TABLET
5. Semasa menggunakan MELOXIM TABLET
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan MELOXIM TABLET
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan MELOXIM TABLET

MELOXIM TABLET digunakan untuk melegakan sakit dan mengurangkan keradangan sendi.

Bagaimana MELOXIM TABLET berfungsi

Meloxicam tablet mengandungi bahan aktif yang dipanggil meloxicam. Ia tergolong dalam kumpulan ubat yang dipanggil ubat *nonsteroidal antiinflammatory drugs* (NSAIDs) yang berfungsi dengan menghalang prostaglandin, bahan yang dihasilkan apabila terdapat sakit atau kecederaan, seterusnya mengurangkan kesakitan dan keradangan.

Sebelum menggunakan MELOXIM TABLET

-Bila tidak boleh mengambil

Jangan ambil MELOXIM TABLET:

- jika anda alah kepada meloxicam, aspirin, ubat penahan sakit NSAID lain atau mana-mana bahan lain yang terkandung dalam ubat ini (dinyatakan dalam Maklumat lanjut).
- jika anda mempunyai ulser gastrik/usus atau sejarah ulser berulang

- jika anda mempunyai masalah hati, buah pinggang, atau jantung yang teruk.
- jika anda mempunyai sebarang masalah pendarahan

Mengandung dan menyusukan anak

Dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi jika anda mengandung, merancang untuk mengandung atau sedang menyusukan anak sebelum menggunakan sebarang ubat.

Anda tidak boleh mengambil meloxicam semasa mengandung (terutamanya semasa 3 bulan terakhir kehamilan) kerana ia boleh memudaratkan bayi anda dan mungkin menyebabkan masalah semasa bersalin.

Meloxicam dirembeskan ke dalam susu ibu dalam jumlah yang kecil. Oleh itu, ia tidak boleh digunakan semasa menyusu untuk mengelakkan kesan yang tidak diingini pada bayi.

-Sebelum mengambil MELOXIM TABLET

Sila maklumkan kepada doktor anda:

- jika anda mempunyai atau pernah mempunyai ulser gastrousus atau masalah pendarahan.
- jika anda mempunyai penyakit buah pinggang atau hati
- jika anda mempunyai atau berisiko mendapat penyakit jantung
- jika anda mempunyai tekanan darah tinggi
- jika anda seorang wanita yang cuba hamil atau menjalani rawatan kesuburan
- jika anda sedang dirawat untuk sebarang jangkitan.

-Jika mengambil ubat-ubat lain

Sila beritahu doktor anda jika anda sedang mengambil ubat lain, termasuk yang anda beli tanpa

preskripsi dari farmasi, pasar raya, atau kedai makanan kesihatan.

Beritahu doktor anda jika anda sedang mengambil:

- ubat NSAID atau salicylate (penahan sakit)
- lithium (ubat untuk kemurungan)
- methotrexate (ubat untuk rawatan kanser dan penyakit autoimun)
- diuretik (ubat untuk membuang air berlebihan dalam badan)
- ubat untuk merawat tekanan darah tinggi
- cholestyramine (ubat membantu menurunkan tahap kolesterol dalam darah)
- Cyclosporine (ubat untuk mencegah penolakan selepas pindahan organ)
- ticlopidine, heparin atau ubat cair darah yang lain
- menggunakan alat pencegah kehamilan jenis intrauterine device (IUD)

Cara menggunakan MELOXIM TABLET

- Berapa banyak harus diambil

Osteoarthritis:

7.5mg setiap hari. Dos boleh ditingkatkan jika perlu sehingga maksimum 15mg setiap hari.

Rheumatoid arthritis:

15mg setiap hari. Dos boleh dikurangkan kepada 7.5mg setiap hari mengikut tindak balas terapeutik.

Ankylosing spondylitis:

15mg setiap hari. Jumlah dos harian tidak boleh melebihi 15mg.

Pertimbangan khas:

- Jika anda mempunyai risiko yang besar untuk mendapat kesan sampingan, doktor akan mulakan dengan dos 7.5mg setiap hari.
- Jika anda sedang menjalani dialisis dengan kegagalan buah pinggang yang teruk, dos tidak

MELOXIM TABLET

Meloxicam (7.5mg, 15mg)

boleh melebihi 7.5mg setiap hari.

- Bila perlu diambil

Ambil tablet sekali sehari. Tablet perlu diambil dengan air atau minuman lain bersama makanan.

- Berapa lama perlu diambil

Ambil ubat ini mengikut tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda.

- Jika anda terlupa mengambil

Ambil dos yang tertinggal sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos yang tertinggal dan kemudian teruskan mengambil ubat mengikut jadual seperti biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal

- Jika mengambil secara berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika dos berlebihan telah diambil. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera. Mengambil terlalu banyak tablet boleh menyebabkan peningkatan kesan sampingan

Semasa menggunakan MELOXIM TABLET

- Perkara yang perlu dilakukan

Guna ubat anda mengikut arahan doctor.

Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan Meloxicam Tablet.

Beritahu doktor anda dengan segera jika anda hamil semasa menggunakan ubat ini.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan mula menggunakan sebarang ubat baharu tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.

Jangan berikan Meloxicam Tablet kepada sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau keadaan yang sama dengan anda.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Memandu dan menggunakan jentera
Berhati-hati semasa memandu atau menggunakan jentera sehingga anda mengetahui tentang kesan Meloxicam Tablet terhadap anda.

Meloxicam Tablet boleh menyebabkan alahan yang teruk dan reaksi kulit yang serius. Berhenti menggunakan dan dapatkan bantuan perubatan dengan segera jika anda mengalami mana-mana gejala berikut:

- Alahan yang teruk: kesukaran bernafas, pening kepala, bengkak kulit atau ruam.
- Reaksi kulit yang teruk: kulit kemerahan, lepuh, ruam, demam, sakit tekak atau kerengsaan mata.

Pastikan minum air yang mencukupi semasa mengambil ubat ini.

Kesan-kesan sampingan

Seperti ubat-ubatan lain, Meloxicam Tablet boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang akan mengalaminya.

Jumpa doktor atau ahli farmasi anda dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan selepas menggunakan ubat ini.

Kesan sampingan biasa:

- muntah, sakit perut, sembelit, kembung perut, cirit-birit
- sel darah merah rendah
- Kegatalan, ruam
- pening, sakit kepala
- bengkak atau cecair berlebihan dalam jantung.

Kesan sampingan yang tidak biasa:

- ujian fungsi hati yang tidak normal, sendawa, keradangan esofagus, ulser gastrik dan pendarahan

- sel darah putih dan platelet rendah.
- keradangan mulut, geligata, lebih sensitif kepada cahaya, keradangan mata atau gangguan pada penglihatan
- rasa berputar, berdering di telinga, mengantuk, kekeliruan, perubahan mood
- tekanan darah meningkat, rasa jantung berdegup,
- ujian fungsi buah pinggang abnormal
- tindak balas hipersensitiviti

Kesan sampingan yang jarang berlaku :

- kebocoran dalam sistem pencernaan
- radang hati, usus besar dan, perut
- serangan asma
- kegagalan buah pinggang akut

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npra.gov.my [Consumers → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)].

Cara penyimpanan dan pelupusan

- Penyimpanan

Simpan di dalam bekas kedap udara.

Simpan di bawah suhu 30°C dan elakkan daripada terdedah kepada cahaya dan kelembapan.

- Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

MELOXIM TABLET

Meloxicam (7.5mg, 15mg)

Maklumat lanjut

-Rupa dan warna produk

MELOXIM 7.5MG TABLET

Tablet bentuk bulat berwarna kuning dengan garisan skor pada satu sisi

MELOXIM 15MG TABLET

Tablet bujur berwarna kuning dengan garisan skor pada satu sisi

-Bahan-bahan kandungan

-Bahan aktif

Meloxicam

-Bahan tidak aktif

Quinoline Yellow Lake

Microcrystalline cellulose

Sodium starch glycolate

Magnesium stearate

Lactose Anhydrous

Colloidal silicone dioxide

- *Nombor MAL*

MELOXIM 7.5MG

MAL06121088AZ

MELOXIM 15MG TABLET

MAL07011004AZ

Pengilang

Noripharma Sdn. Bhd.,

Lot 5030, Jalan Teratai,

5 1/2 Mile Off Jalan Meru,

41050 Klang,

Selangor Darul Ehsan, Malaysia

Pemegang Pendaftaran Produk

Steriline Sdn. Bhd.,

Lot 5979, Jalan Teratai,

5 1/2 Mile Off Jalan Meru,

41050 Klang,

Selangor Darul Ehsan, Malaysia

Date of revision

20/08/2024

Serial Number

NPRA(R4/1)020824/00101